



ANALISIS *MANHAJ TAHRIRAT AL-QIRA'AT* DAN PEMILIHAN KITAB RUJUKAN *AL-NASHR* OLEH SHEIKH AL-AZMIRI

[ANALYSIS OF THE *TAHRIRĀT AL-QIRĀ'ĀT* METHODOLOGY AND THE SELECTION OF *AL-NASHR* AS A REFERENCE WORK BY SHEIKH AL-AZMIRI]

M. JISMANI YUSOFF^{1*}, MD SAIFULLAH NIK ABDULLAH^{2*} & M. ARASH AMRAN^{1*}

1 Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu Kelantan, MALAYSIA. E-mail: jismaniyusoff@gmail.com.

2* Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu Kelantan, MALAYSIA. E-mail: mdsaifulqiraat@gmail.com; a.rashamran811@gmail.com

Correspondent Email: jismaniyusoff@gmail.com

Received: 23 July 2025

Accepted: 22 August 2025

Published: 30 September 2025

Abstrak: Kajian ini menganalisis secara mendalam *manhaj Tahrirat al-Qira'at* yang dikembangkan oleh Sheikh al-Azmiri serta proses pemilihan kitab rujukan *al-Nashr* sebagai asas utama dalam penentuan *wujuh* dan *turuq al-Qira'at*. Penelitian terhadap pemilihan kitab rujukan tersebut memperlihatkan pendekatan ilmiah yang teliti, sistematik dan berpandukan *turuq* yang sahih. Setiap sumber yang dirujuk turut dianalisis secara kritikal bagi memastikan ketepatan dan kesahihan *wujuh* serta *turuq al-Qira'at* yang diperturunkan. Melalui proses evaluasi yang teratur, Sheikh al-Azmiri bukan sahaja membandingkan ketetapan *al-Nashr* dengan pelbagai *turuq* lain, tetapi juga memberikan ulasan kritikal dan justifikasi terhadap perbezaan yang ditemui. Analisis ini membuktikan bahawa *manhaj Tahrirat al-Qira'at* al-Azmiri berasaskan prinsip ilmiah yang konsisten, teliti dan tersusun, sekali gus mengekalkan ketepatan *wujuh al-Qira'at* menurut *tariq al-Nashr*. Sehubungan itu, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan kitab *al-Nashr* dalam kerangka sistematik *Tahrirat al-Qira'at* serta kepentingannya dalam memastikan pewarisan ilmu *Qira'at* berlangsung secara tepat, sahih dan berautoriti kepada generasi berikutnya.

Kata kunci: *Manhaj* al-Azmiri, *Tahrirat al-Qira'at*, pemilihan rujukan *al-Nashr*

Abstract: This study provides a comprehensive analysis of the methodological framework of *Tahrirāt al-Qirā'āt* developed by Sheikh al-Azmiri, with particular emphasis on the process of selecting *al-Nashr* as the principal reference in determining the *wujūh* and *turuq* of *Qirā'āt*. The selection of this reference demonstrates a rigorous, systematic, and *turuq*-based scholarly approach. Each source is critically analysed to ensure the accuracy and authenticity of the transmitted *wujūh* and *turuq* of *Qirā'āt*. Through a meticulous evaluative process, Sheikh al-Azmiri not only compares the rulings of *al-Nashr* with various other *turuq* but also provides critical commentary and justification for any differences identified. This analysis confirms that al-Azmiri's *Tahrirāt al-Qirā'āt* methodology is grounded in consistent, precise, and well-structured scholarly principles, thereby preserving the reliability of the *wujūh al-Qirā'āt* according to the *ṭarīq al-Nashr*. Consequently, this study offers a deep and nuanced understanding of the role of *al-Nashr* within the systematic framework of *Tahrirāt al-Qirā'āt* and its significance in ensuring that the science of *Qirā'āt* is transmitted accurately, authentically and authoritatively to future generations.

Keywords: al-Azmiri's Methodology, *Tahrirāt al-Qirā'āt*, Selection of *al-Nashr* References



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

M. Jismani Yusoff, Md Saifullah Nik Abdullah & M. Arash Amran. 2025. Analisis Manhaj *Tahrirat al-Qira'at* dan Pemilihan Kitab Rujukan *al-Nashr* oleh Sheikh al-Azmiri [Analysis of the *Tahrirat al-Qira'at* Methodology and the Selection of *al-Nashr* as a Reference Work by Sheikh al-Azmiri]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 5(3), 33-45.

PENGENALAN

Menurut Sheikh Mustafa al-Azmiri (1155H), beliau menjelaskan bahawa *Tahrirat Qira'at* adalah suatu penelitian yang mendalam terhadap *Qira'at* dan tahu membezakan bacaan antara riwayat dan *tariq* tanpa melakukan percampuran antara satu sama lain dalam *wujuh al-Qira'at*. Dalam usaha merumuskan metodologi *Tahrirat al-Qira'at* yang bersifat teliti, menyeluruh dan berpaksikan ketepatan *sanad*, Sheikh al-Azmiri melaksanakan penelitian ilmiah yang rapi terhadap korpus literatur *Qira'at*. Beliau menekankan pemilihan kitab rujukan *al-Nashr* sebagai sumber utama, mewakili tradisi periwayatan paling autoritatif dalam disiplin *Qira'at*. Setiap sumber dianalisis secara mendalam terutamanya apabila wujud sebarang percanggahan wajah bacaan, sehingga membolehkan beliau membuat ulasan kritikal serta penjelasan *justifikatif* terhadap setiap *khilaf*. Pendekatan ini memperlihatkan *manhaj* ilmiah yang kukuh, tersusun dan *analitik*, mencerminkan keluasan kefahaman beliau terhadap struktur periwayatan *Qira'at*.

Kajian terdahulu menekankan kepentingan kitab rujukan *al-Nashr* dalam mengekalkan kesahihan bacaan al-Qur'an. Menurut Ihab Fikri (2013), kitab-kitab muktabar seperti karya al-Jazari menerusi kitab *al-Nashr* penting bagi pemeliharaan *wujuh* dan *turuq* al-*Qira'at*. Hafizuddin (2021), pula menegaskan bahawa rujukan kepada kitab *al-Nashr* membolehkan penyelarasan *wujuh* bacaan antara pelbagai perawi, mengelakkan pertindihan dan percanggahan bacaan serta membentuk asas metodologi kritikal dalam *Tahrirat al-Qira'at*. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan kitab rujukan bukan sekadar keperluan akademik tetapi juga sebagai langkah untuk memastikan pewarisan ilmu *Qira'at* secara sah kepada generasi akan datang.

Walaupun *al-Nashr* merupakan antara sumber paling autoritatif dalam disiplin *Qira'at*, kajian mendalam tentang bagaimana kitab tersebut dipilih, dianalisis dan diaplikasikan dalam kerangka *manhaj Tahrirat al-Qira'at* masih kurang diberikan perhatian oleh para penyelidik. Tambahan pula, terdapat keperluan untuk memahami secara lebih sistematik bagaimana Sheikh al-Azmiri menilai, menyemak dan membandingkan *turuq* serta *wujuh Qira'at* berasaskan *al-Nashr*, memandangkan proses pemilihan kitab rujukan merupakan asas utama dalam memastikan kesahihan sesuatu wajah bacaan.

Kekurangan penelitian terhadap pendekatan ilmiah yang teliti dan tersusun dalam *manhaj Tahrirat al-Qira'at* al-Azmiri menimbulkan kekaburan terhadap mekanisme sebenar yang digunakan untuk mengekalkan ketepatan dan autoriti bacaan *tariq al-Nashr*. Hal ini menyebabkan wujud jurang dalam pemahaman tentang bagaimana *al-Nashr* berfungsi dalam struktur metodologi *Tahrirat al-Qira'at* serta bagaimana peranan tersebut memberi kesan kepada kesinambungan pewarisan ilmu *Qira'at* secara tepat dan sah kepada generasi berikutnya. Tanpa analisis komprehensif terhadap aspek ini, disiplin *Tahrirat al-Qira'at*

berisiko kehilangan asas metodologi yang kukuh dan tidak berpaksikan kepada *turuq* yang sahih.

Oleh itu, kerangka teoretikal kajian ini berpaksikan tiga konsep utama:

- i. *Sanad* dan Kesahihan Bacaan – menekankan kepentingan rujukan *sanad* dalam memastikan setiap *wujud* al-*Qira'at* adalah sahih dan diterima ulama.
- ii. *Manhaj Tahrirat* – memfokuskan kepada penilaian dan justifikasi bacaan berdasarkan sumber muktabar termasuk perbandingan dengan *turuq* lain, ulasan dan pengamalannya dalam kitab-kitab *tahrirat*.
- iii. Pewarisan Ilmu *Qira'at* – menekankan bahawa metodologi ilmiah dalam *Tahrirat al-Qira'at* memastikan ilmu diwarisi secara sistematik dan tepat kepada generasi berikutnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui analisis teks dan kandungan kitab rujukan *al-Nashr*. Teknik analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti corak, tema dan konsep utama dalam *manhaj Tahrirat al-Qira'at* al-Azmiri. Pendekatan analitis diaplikasikan untuk memecahkan dan meneliti komponen *turuq*, *wujud*, serta justifikasi ilmiah yang dikemukakan dengan tujuan memahami secara menyeluruh struktur dan sistematik *manhaj Tahrirat al-Qira'at* al-Azmiri. Sumber utama pula terdiri daripada kitab-kitab muktabar dalam *Tahrirat al-Qira'at*, manakala sumber sekunder termasuk kajian akademik dan artikel berkaitan metodologi *Tahrirat*. Kajian ini juga menekankan analisis konseptual iaitu memahami prinsip, kaedah dan justifikasi di sebalik pemilihan kitab rujukan serta implikasinya terhadap pengajaran *Qira'at* kepada generasi berikutnya.

Sumber utama dalam kajian ini pula merangkumi karya-karya penting Sheikh al-Azmiri seperti *Bada'i' al-Burhan 'ala 'Umdat al-'Irfan*, *'Umdat al-'Irfan fi Tahrir Awjuh al-Qur'an*, serta *Matn Ithaf al-Bararah bima Sakata 'anh Nasyr al-'Asyarah al-Musamma Tahrir al-Nashr min Turuq al-'Asyarah*. Selain itu, rujukan asas disiplin *Qira'at*, iaitu *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr* karya al-Imam Ibn al-Jazari turut menjadi sandaran utama. Sumber sekunder pula meliputi kitab-kitab yang membincangkan *Tahrirat Tayyibat al-Nashr* serta kajian-kajian akademik dari universiti-universiti tempatan dan Timur Tengah yang berkaitan dengan metodologi dan perkembangan *Tahrirat al-Qira'at*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kedudukan *al-Nashr* sebagai Sumber Asas

Kitab *al-Nashr* menempati kedudukan teras dalam disiplin *Tahrirat al-Qira'at*, menjadi rujukan utama Sheikh al-Azmiri dalam membina *manhaj tahrirat*nya. Dalam *Bada'i' al-Burhan*, al-Azmiri menegaskan bahawa *tahrirat* tidak boleh dibina tanpa berpandukan *al-Nashr* yang berfungsi bukan sahaja untuk menilai kesahihan *wujud* bacaan, tetapi juga sebagai asas sistematik bagi keseluruhan proses *tahrirat*. (al-Azmiri, t.t).

Pemilihan *al-Nashr* menunjukkan pendekatan kritikal dan teliti. Setiap *wujuh* dan *uruq* dianalisis, dibandingkan dan diberikan justifikasi terhadap sebarang perbezaan. Kepelbagaian kitab rujukan *al-Nashr* memperkukuh disiplin *Tahrirat Qira'at*, memastikan ilmu diwarisi dengan tepat dan mengekalkan kesahihan wajahnya.

Justeru, *al-Nashr* bukan sekadar rujukan tetapi tonggak metodologi yang membimbing *Tahrirat al-Qira'at* Sheikh al-Azmiri, menjadikannya sumber asas yang kritikal dalam memastikan ketepatan dan kesinambungan ilmu *Qira'at*.

Manhaj Tahrirat al-Qira'at dan Pemilihan Kitab Rujukan al-Nashr oleh Sheikh al-Azmiri

Dalam kajian ini, pengkaji akan menjelaskan *manhaj Tahrirat al-Qira'at* yang diamalkan oleh Sheikh al-Azmiri bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan *Tahrirat al-Qira'at*. Berikut disenaraikan *manhaj* yang diaplikasi oleh al-Azmiri berdasarkan kitab *tahrirat* beliau yang berjudul *Bada'i' al-Burhan 'ala 'Umdat al-'Irfan* :

1. Tegahan Pengambilan Bacaan Secara *Ikhtiyari* dalam *Qira'at*

Sheikh al-Azmiri berpendirian bahawa tiada keperluan untuk mengambil bacaan secara *ikhtiyari* dalam *Qira'at*. Perbuatan ini turut dilarang untuk mengamalkannya. Tegahan ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam sumber rujukan dan *uruq al-Nashr*. Contohnya tegahan bacaan ghunnah Ra dan Lam bagi al-Azraq. Begitu juga dengan tegahan kebanyakan wajah bacaan berdasarkan zahir nas sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Jazari dalam matan *tayyibah* seperti dalam teks berikut:

"وليس إدغام ووقف إن سكن يمنع ما يمال للكسر وعن
سوس خلاف ولبعض قللا"

Berdasarkan teks matan tersebut, al-Jazari menyatakan bahawa harus dibaca *taqlil* bersama *mad* dan *idgham*. Amalan ini diikuti oleh al-Azmiri. Contohnya dalam ayat:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ

hingga ayat

وَمَا هُمْ بِخُرُجِينَ مِنَ النَّارِ ١٦٧

Dalam ayat tersebut terdapat enam wajah bacaan bagi al-Susi ketika *waqaf*. Pertama, *Izhar* bersama *imalah* pada 'النهار لآيات' dan 'النار' menurut kebanyakan *uruqnya*. Kedua, *Izhar* bersama *al-Fath* pada 'النهار لآيات' dan 'النار' menurut *al-Tajrid*, *al-Misbah*, *Rawdat al-Maliki*, *al-Mubhij*, *Jami' Ibn Faris*, *al-Mustanir*, *Ghayah Abi al-'Ala'*, *Kifayah Abi al-'Izz* dan *al-Kafi*. Ketiga, *Izhar* bersama *taqlil* menurut *al-Kafi*. Keempat, *idgham* bersama *imalah* bagi kedua-duanya iaitu pada 'النهار لآيات' dan 'النار' menurut *al-Taysir* dan *al-Syatibiyyah*, *al-Mubhij*, *al-Kamil* dan *Rawdat al-Mu'addal*. Kelima, *idgham* bersama *al-Fath* bagi kedua-duanya, iaitu pada 'النهار لآيات' dan 'النار' menurut *al-Misbah*, *al-Mubhij*, *al-Mustanir*, *Ghayah Abi al-'Ala'*,

al-Jami' li ibn Faris dan *Rawdat al-Mu'addal*. Keenam, *idgham* bersama *taqlil* bagi keduanya, iaitu pada 'النهار لآيات' dan 'النار' menurut Ibn Mjahid, selain *Sab'ah* daripada al-Yazidi. Namun, sumber bagi wajah keenam atau terakhir ini bukan daripada *al-Tayyibah*. Maka, tindakan meninggalkan wajah ini adalah lebih utama walaupun diambil bacaannya. (Ihab Fikri, 2013).

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa al-Azmiri mengharuskan pengambilan wajah *Qira'at* secara *ikhtiyari* serta bercanggah dengan kaedah ini. Contohnya, bacaan tanpa *ghunnah* atau *ghunnah* pada Huruf *Ra* dan *Lam* bagi Ruways dalam surah al-Baqarah. Manakala hukum bacaan *Ra* dan *Lam* bagi Ruways pada surah-surah selepas al-Baqarah adalah bacaan tanpa *ghunnah*. Ini adalah *ikhtiyari* al-Azmiri kerana menurut sumber asal iaitu *Kitab al-Ghayah* ialah bacaan tanpa *ghunnah* tersebut adalah pada semua surah.

2. Menetapkan Wajah Bacaan Sebagaimana yang Terkandung dalam Sumber *al-Nashr* Walaupun Berbeza dengan *al-Nashr*

Kaedah ini juga merupakan salah satu *manhaj* yang digunakan oleh al-Azmiri dalam *Tahrirat al-Qira'at*. Beliau berpegang kepada kaedah ini serta melakukan *naqal* daripada kenyataan al-Jazari. Contohnya pada hukum *tawassut* 'ل'. Beliau menyatakan bahawa tidak terdapat wajah *tawassut* 'ل' daripada *al-Mustanir* bagi Khalaf dan Khallad, namun pendirian beliau sama seperti al-Jazari dalam menjelaskan wajah bacaan tersebut menurut *al-Nashr*. Walau bagaimanapun, terdapat juga keadaan yang menunjukkan bahawa al-Azmiri tidak menggunakan kaedah ini seperti hanya berpegang kepada rujukan asal *al-Nashr*. Sebagai contoh, tegahan *ghunnah Ra* dan *Lam* bagi al-Azraq. (Ihab fikri, 2013).

3. Berpegang kepada Pendirian al-Jazari

Berpegang kepada pendirian al-Jazari merupakan antara *manhaj* yang digunakan oleh al-Azmiri dalam menentukan *Tahrirat al-Qira'at* pada ayat-ayat tertentu. Beliau berpegang kepada pendirian al-Jazari serta meriwayatkannya dalam wajah-wajah *Qira'at* walaupun tidak disebut secara jelas dalam rujukan dan *turuq*. Contohnya, wajah bacaan *saktah* antara dua surah adalah harus bagi Idris daripada Khalaf, wajah meninggalkan *saktah* sebelum Huruf Hamzah bagi Khalaf daripada Imam Hamzah dan harus bacaan *Mad al-Ta'zim* bagi Hafs.

Walau bagaimanapun, penentuan kebanyakan wajah bacaan *Qira'at* yang dilakukan oleh al-Azmiri merujuk kepada kitab-kitab dan *turuq* yang dinisbahkan oleh al-Jazari. apabila kaedah ini digunakan, maka banyak tegahan wajah *Qira'at* yang berlaku walaupun ia adalah harus menurut zahir teks *al-Tayyibah*. (Ihab Fikri, 2013).

4. Keharusan Keluar daripada *Turuq al-Nashr*

Keharusan keluar daripada *turuq al-Nashr* pada sesetengah keadaan juga merupakan salah satu metodologi yang digunakan oleh al-Azmiri. Walau bagaimanapun, keharusan tersebut adalah berdasarkan kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan. Pertama, mempunyai *sanad* yang bersambung seperti wajah *saktah* bersama *al-Fath* bagi Idris daripada Khalaf dalam ayat:

Walaupun wajah tersebut terkecuali daripada *turuq al-Nashr*, namun *sanad* bacaan *al-Mu'addal* pengarang *Kitab al-Rawdah* yang bersambung menjadi punca utama ia diterima. Kedua, bacaan yang menjadi amalan kebanyakan *al-muta'akhhirin*. Contohnya bacaan *saktah* antara dua surah menurut sumber *Irshad Abi al-'Izz* yang diterima dan diamalkan oleh kebanyakan *al-muta'akhhirin* walaupun ia bukan daripada *al-Tayyibah*. Ketiga, pendirian al-Jazari seperti wajah *saktah* antara dua surah menurut riwayat Idris daripada *Kifayah Abi al-'Izz*. Walaupun bukan daripada sumber *al-Nashr*, namun ini adalah pendirian al-Jazari. (Hafizuddin, 2021).

5. Tegahan Mengambil Bacaan *Infiradi*

Antara metodologi al-Azmiri dalam *Tahrirat al-Qira'at* ialah tegahan mengambil sesuatu wajah bacaan melalui *tariq* yang tunggal. Contohnya, dalam isu berkaitan bacaan *imalah* pada kalimah 'ذَكَرَى' menurut riwayat Ibn Dhakwan. Menurut al-Suri, *imalah* 'ذَكَرَى' daripada Ibn Dhakwan adalah melalui sumber *Irshad Abi al-'Izz*, *Rawdat al-Maliki*, *Jami' al-Farisi*, *Talkhis Abi al-Ma'syar*, *al-Mubhij*, *al-Kamil*, *al-Mustanir*, *al-Misbah*, *Ghayah Abi al-'Ala'* dan bacaan al-Dani daripada al-Ramli (daripada al-Suri). Maka, wajah bacaan *al-Fath* pada kalimah 'ذَكَرَى' melalui sumber al-Karzini (daripada al-Muttawwi'i, daripada al-Suri) telah menjadi tunggal. Ini bercanggah dengan semua perawi al-Suri yang meriwayatkan bacaan dengan *imalah* pada kalimah 'ذَكَرَى' sebagaimana yang disebut dalam *al-Nashr*. Manakala al-Akhfash daripada Ibn Dhakwan membaca kalimah 'ذَكَرَى' dengan *al-Fath* bagi keseluruhan *turuq*, termasuk sumber *al-Kamil* sebagaimana yang dijelaskan dalam *al-Nashr*. Menurut sumber *al-Mubhij*, al-Karzini (daripada al-Muttawwi'i, daripada al-Suri) bercanggah dengan semua perawi al-Suri pada wajah *al-Fath* bagi kalimah 'ذَكَرَى'. (Hafizuddin, 2021).

6. Mengharuskan Wajah Bacaan dengan *Ihtimal* (Kemungkinan)

al-Azmiri menetapkan bahawa harus menerima sesuatu wajah bacaan secara *ihtimal*. Contohnya dalam permasalahan *Tahrirat* *saktah* pada kalimah 'شَيْء' dalam kalimah 'المصيطرون'. Beliau menjelaskan bahawa kemungkinan terdapat wajah bacaan lain dalam sumber *al-Syatibiyyah* dan *al-Taysir*, iaitu *saktah* pada kalimah 'شَيْء' dan *Lam al-Ta'rif* sahaja bersama dengan wajah bacaan Huruf *Sad*. Maka, tiada tegahan bagi wajah bacaan tersebut. (al-Azmiri, t.t.).

7. Menerima Wajah Bacaan menurut Zahir matan *Tayyibah* dan Teks *al-Nashr*

Salah satu kaedah yang digunakan oleh al-Azmiri sebagai panduan dalam menentukan penerimaan sesuatu wajah bacaan adalah dengan melihat kepada zahir matan *Tayyibah* dan teks *al-Nashr*. Ini sebagaimana yang berlaku pada hukum bacaan *Mad al-Ta'zim* mengikut riwayat Hafs 'an 'Asim. Walaupun wajah tersebut tidak terdapat dalam sumber *al-Nashr*, namun ia diterima kerana disebut secara jelas dalam teks matan *Tayyibah* dan *al-Nashr*. (al-Azmiri, t.t.).

Pemilihan Kitab Rujukan *al-Nashr* oleh al-Azmiri

Sheikh al-Azmiri telah memilih 20 buah kitab daripada kitab-kitab rujukan *al-Nashr* sebagai panduan dan *manhaj* beliau dalam *Tahrirat al-Qira'at*. Sumber ini diteliti secara mendalam apabila berlakunya sesuatu permasalahan berkaitan *wujuh al-Qira'at*. Selanjutnya, beliau akan memberikan ulasan dan huraian sekiranya berlaku perbezaan antara *al-Nashr* dengan semua kitab-kitab tersebut. Berikut adalah senarai kitab yang menjadi rujukan bagi Sheikh al-Azmiri dalam menyaring *wujuh al-Qira'at*:

1. *al-Wajiz fi al-Qira'at al-Thaman*

Kitab ini dikarang oleh al-Ustadh Abi 'Ali al-Hasan bin 'Ali bin Ibrahim bin Yazdad bin Hurmuz al-Ahwazi (wafat tahun 446H). al-Jazari menyandarkan kepadanya tiga *tariq*. Jumlah *tariq* tersebut adalah berdasarkan kepada Ibn Dhakwan satu *tariq*, Hafs satu *tariq* dan Khalaf satu *tariq*. (al-Jud, 2006).

2. *al-Ghayah fi al-Qira'at al-'Asyr*

Kitab ini dikarang oleh Imam Abi Bakr Ahmad bin al-Husayn bin Mihran al-Asbahani al-Naysaburi (w. tahun 381H). al-Jazari menyandarkan kepada Kitab al-Ghayah fi al-Qira'at al-'Asyr ini sebanyak 16 *tariq*. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qālūn dua *tariq*, Warsy satu *tariq*, al-Duri satu *tariq*, Ibn Dhakwan satu *tariq*, Syu'bah dua *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Khallad tiga *tariq*, Abu al-Harith satu *tariq*, Ibn Wardan satu *tariq*, Ruways satu *tariq*, Rawh satu *tariq* dan Ishaq satu *tariq*. (Di'bis, 2009).

3. *al-Mubhij fi al-Qira'at al-Thaman wa Qira'ah Ibni Muhaysin wa al-A'masy wa Ikhtiar Khalaf wa al-Yazidi*

Kitab al-Mubhij ini adalah karangan Imam Abi Muhammad bin Abdullah bin 'Ali bin Ahmad bin Abdullah yang dikenali dengan gelaran Sabt al-Khayyat al-Baghdadi (w. tahun 541H). al-Jazari menyandarkan bacaan kepadanya sebanyak 41 *tariq*. Jumlah tersebut adalah melalui Qālūn lima *tariq*, Warsy satu *tariq*, al-Bazzi satu *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Duri empat *tariq*, al-Susi dua *tariq*, Hisyam lima *tariq*, Ibn Dhakwan lima *tariq*, Syu'bah enam *tariq*, Hafs dua *tariq*, Khalaf dua *tariq*, Khallad tiga *tariq*, Abu al-Harith satu *tariq*, Duri al-Kisa'i satu *tariq*, Ruways satu *tariq* dan Rawh satu *tariq*. (Di'bis, 2009).

4. *Ghayat al-Ikhtisar fi al-Qira'at al-'Asyr*

Kitab Ghayat al-Ikhtisar ini merupakan karya yang dihasilkan oleh Imam al-Hafiz al-Kabir Abi al-'Ala' al-Hasan bin Ahmad bin al-Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-'Atar al-Hammazani (w. tahun 569H). al-Jazari menyandarkan kepada kitab *Ghayat al-Ikhtisar* sebanyak 48 *tariq*. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qālūn tiga *tariq*, Warsy dua *tariq*, al-Bazzi dua *tariq*, al-Duri lapan *tariq*, al-Susi dua *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Ibn Dhakwan lapan *tariq*, Syu'bah dua *tariq*, Hafs empat *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Khallad dua *tariq*, Abu al-Harith dua *tariq*, Duri al-

Kisa'i satu *tariq*, Ibn Wardan satu *tariq*, Ruways tiga *tariq*, Rawh empat *tariq*, Ishaq satu *tariq* dan Idris satu *tariq*. (Di'bis, 2009).

5. *al-Irshad fi al-Qira'at al-'Asyr*

Kitab ini dikarang oleh Imam Abi al-'Izz Muhammad bin al-Husain bin Bandar al-Qalansi al-Wasiti (w. tahun 521H). al-Jazari menyandarkan kepada kitab tersebut sebanyak 27 *tariq*. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qālūn empat *tariq*, al-Bazzi dua *tariq*, al-Duri tiga *tariq*, Ibn Dhakwan enam *tariq*, Syu'bah dua *tariq*, Hafs dua *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Ibn Wardan tiga *tariq*, Ruways dua *tariq*, Rawh satu *tariq* dan Ishaq satu *tariq*. (Di'bis, 2009).

6. *al-Rawdah fi al-Qira'at al-Ihda 'Asyarah*

Kitab al-Rawdah fi al-Qira'at al-Ihda 'Asyarah merupakan kitab yang dikarang oleh Imam Abi 'Ali al-Hasan bin Muhammad bin bin Ibrahim al-Baghdadi al-Maliki (w. tahun 438H). Sebanyak 28 *tariq* disandarkan kepada kitab beliau. Ini berdasarkan kepada Qālūn dua *tariq*, Warsy satu *tariq*, al-Bazzi tiga *tariq*, al-Duri satu *tariq*, al-Susi satu *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Ibn Dhakwan dua *tariq*, Syu'bah dua *tariq*, Hafs dua *tariq*, Khalaf dua *tariq*, Khallad tiga *tariq*, Abu al-Harith satu *tariq*, Duri al-Kisa'i dua *tariq*, Ibn Wardan dua *tariq*, Ruways satu *tariq* dan Rawh dua *tariq*. (Di'bis, 2009).

7. *al-Misbah al-Zahir fi al-Qira'at al-'Asyr al-Bawahir*

Kitab al-Misbah ini merupakan kitab yang dihasilkan oleh al-Ustaz Abi al-Karami al-Mubarak bin al-Hasan bin Ahmad bin 'Ali bin Fathan al-Syahrzuri al-Baghdadi (wafat tahun 550H). Ibn al-Jazari menyandarkan kepada Kitab al-Misbah ini sebanyak 97 *tariq*. Bilangan tersebut berdasarkan kepada Qālūn dua *tariq*, Warsy tiga *tariq*, al-Bazzi tiga *tariq*, Qunbul enam *tariq*, al-Duri 16 *tariq*, al-Susi empat *tariq*, Hisyam tiga *tariq*, Ibn Dhakwan empat *tariq*, Syu'bah 15 *tariq*, Hafs enam *tariq*, Khalaf tiga *tariq*, Khallad dua *tariq*, Abu al-Harith tiga *tariq*, Duri al-Kisa'i dua *tariq*, Ibn Wardan lapan *tariq*, Ibn Jammaz tiga *tariq*, Ruways empat *tariq*, Rawh enam *tariq*, Ishaq satu *tariq* dan Idris tiga *tariq*. (Ibn al-Jazari, 2006).

8. *al-'Unwan fi al-Qira'at al-Sab'*

Ini merupakan kitab karangan Imam Abi Tahir Isma'il bin Khalaf bin Sa'id al-Ansari (wafat tahun 455H). al-Jazari menyandarkan kepada kitab ini sebanyak sembilan *tariq*, iaitu Warsy satu *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Duri dua *tariq*, al-Susi satu *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Syu'bah satu *tariq*, Khalaf satu *tariq* dan Khallad satu *tariq*. (al-Mutawalli, 2009).

9. *al-Tadthkirah fi al-Qira'at al-Thaman*

Kitab al-Tadthkirah fi Qira'at al-Thaman adalah karangan Imam Abi al-Hasan Tahir bin Abi al-Tayyib 'Abd al-Mun'im bin Ghalbun al-Halabi (w. tahun 399H). al-Jazari menyandarkan

sanad kepadanya sebanyak sepuluh *tariq* iaitu Qālūn satu *tariq*, al-Azraq dua *tariq*, al-Duri satu *tariq*, Ibn Dhakwan satu *tariq*, Hafs satu *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Abu al-Harith satu *tariq*, Ruways satu *tariq* dan Rawh satu *tariq*. (Ibn al-Jazari, 2000).

10. *al-Talkhis fi al-Qira'at al-Thaman*

Kitab al-Talkhis fi al-Qira'at al-Thaman ini merupakan karangan Imam Abi Ma'syar 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Samad bin Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Tabari (w. tahun 478H). al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 19 *tariq*. Bilangan tersebut adalah berdasarkan kepada Qālūn tiga *tariq*, Warsy satu *tariq*, al-Bazzi satu *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Duri dua *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Ibn Dhakwan dua *tariq*, Syu'bah dua *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Khallad tiga *tariq*, Ruways satu *tariq* dan Rawh satu *tariq*. (al-Jud, 2006).

11. *Jami' al-Bayan fi al-Qira'at al-Sab'*

Kitab yang sangat bernilai ini merupakan hasil karangan Imam al-Dani. Kitab ini menghimpunkan segala ilmu berkaitan bacaan *Qira'at* Tujuh berdasarkan *turuq* yang dipelajari oleh beliau. al-Jazari menyandarkan bacaan al-Dani daripada guru-gurunya melalui kitab ini sebanyak 28 *tariq* (daripada *Qira'at* Tujuh), iaitu Qālūn dua *tariq*, Warsy tiga *tariq*, al-Bazzi dua *tariq*, al-Duri tujuh *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Ibn Dhakwan dua *tariq*, Syu'bah satu *tariq*, Hafs satu *tariq*, Khalaf dua *tariq*, Khallad lima *tariq* dan Duri al-Kisa'i dua *tariq*. (Di'bis, 2009).

12. *al-Tabsirah fi al-Qira'at al-Sab'*

Ini merupakan kitab karangan Imam Abi Ahmad Makki bin Abi Talib bin Muhammad bin Mukhtar al-Qaysi (w. tahun 437H). al-Jazari menjelaskan bahawa sebanyak enam *tariq* disandarkan kepada kitab ini, iaitu Qālūn satu *tariq*, al-Azraq satu *tariq*, al-Duri satu *tariq*, Ibn Dhakwan satu *tariq*, Khallad satu *tariq* dan Abu al-Harith satu *tariq*. (Ibn al-Jazari, 2006).

13. *al-Kafi fi al-Qira'at al-Sab'*

Ini merupakan karangan al-Ustaz Abi 'Abdillah Muhammad bin Shurayh (w. tahun 476H). Menurut al-Jazari, sebanyak 14 *tariq* yang disandarkan kepada al-Kafi, iaitu Qālūn dua *tariq*, Warsy satu *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Duri satu *tariq*, al-Susi satu *tariq*, Hisyam satu *tariq*, Syu'bah satu *tariq*, Khalaf tiga *tariq*, Khallad satu *tariq* dan Abu al-Harith satu *tariq*. Selain itu, terdapat satu lagi yang ditambah oleh al-Jazari mengikut Ibn Syurayh, iaitu al-Hulwani daripada Hisyam. (al-Jud, 2006).

14. *al-Hadi fi al-Qira'at al-Sab'*

Karya ini dihasilkan oleh Abi 'Abdillah Muhammad bin Sufyan al-Qayrawani al-Maliki (w. tahun 415H) di Madinat al-Munawwarah. al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak lima,

iaitu Qālūn satu *tariq*, al-Duri satu *tariq*, Ibn Dhakwan satu *tariq*, Khallad satu *tariq* dan Abu al-Harith satu *tariq*. (Di'bis, 2009).

15. *al-Mustanir fi al-Qira'at al-'Asyr*

Kitab al-Mustanir adalah karya yang dihasilkan oleh al-Ustaz Abi Tahir Ahmad bin 'Ali bin Abdullah bin 'Umar bin Suwar al-Baghdadi (w. tahun 496H). al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 115 *turuq*. Bilangan tersebut adalah berdasarkan kepada Qālūn 12 *tariq*, Warsy dua *tariq*, al-Bazzi lima *tariq*, Qunbul dua *tariq*, al-Duri 18 *tariq*, al-Susi satu *tariq*, Hisyam empat *tariq*, Ibn Dhakwan tujuh *tariq*, Syu'bah tujuh *tariq*, Hafs sembilan *tariq*, Khalaf sembilan *tariq*, Khallad sebelas *tariq*, Abu al-Harith enam *tariq*, Duri al-Kisa'i tujuh *tariq*, Ibn Wardan empat *tariq*, Ibn Jammaz satu *tariq*, Ruways empat *tariq*, Rawh tiga *tariq* dan Ishaq tiga *tariq*. (Ibn al-Jazari, 2006).

16. *Rawdat al-Huffaz al-Jami' li al-'Ada'*

Kitab Rawdat al-Huffaz ini adalah karangan Imam Abi Isma'il bin Musa bin al-Mu'addal yang mengandungi *Qira'at* 15 *tariq*. al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 12 *tariq*, iaitu Qālūn satu *tariq*, Warsy dua *tariq*, al-Bazzi dua *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Duri satu *tariq*, al-Susi satu *tariq*, Hisyam dua *tariq*, Syu'bah satu *tariq* dan Khallad satu *tariq*. (al-Jud, 2006).

17. *al-Kifayat al-Kubra fi al-Qira'at al-'Asyr*

Kitab ini dikarang oleh Abi al-'Izz al-Qalansi. al-Jazari menyandarkan kepada kitab ini sebanyak 46 *tariq*. Bilangan tersebut adalah berdasarkan kepada Qālūn lima *tariq*, Warsy tiga *tariq*, al-Bazzi dua *tariq*, al-Duri lima *tariq*, al-Susi dua *tariq*, Hisyam dua *tariq*, Ibn Dhakwan lima *tariq*, Syu'bah empat *tariq*, Hafs empat *tariq*, Khalaf satu *tariq*, Khallad dua *tariq*, Abu al-Harith tiga *tariq*, Ibn Wardan tiga *tariq*, Ruways tiga *tariq*, Rawh satu *tariq* dan Ishaq satu *tariq*. (al-Mutawalli, 2005).

18. *al-Tajrid fi al-Qira'at al-Sab'*

Kitab al-Tajrid li Bughyat al-Murid fi al-Qira'at al-Sab' merupakan kitab yang dikarang oleh al-Ustaz Abi al-Qasim 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar bin 'Atiq bin Khalaf al-Saqli. Beliau masyhur dengan gelaran Ibn al-Fahham (w. tahun 516H). al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak 51 *tariq*. *Tariq* tersebut ialah Qālūn enam *tariq*, Warsy empat *tariq*, Qunbul satu *tariq*, al-Bazzi tiga *tariq*, al-Duri tujuh *tariq*, al-Susi dua *tariq*, Hisyam tiga *tariq*, Ibn Dhakwan tiga *tariq*, Syu'bah enam *tariq*, Hafs tiga *tariq*, Khalaf lima *tariq*, Khallad empat *tariq*, Abu al-Harith tiga *tariq* dan Duri al-Kisa'i satu *tariq*. (Ibn al-Jazari, 2006).

19. *Mufradah Ya'qub*

Kitab Mufradah Ya'qub merupakan karya yang dihasilkan oleh Ibn al-Fahham, iaitu pengarang *Kitab al-Tajrid*. al-Jazari menyandarkan kepadanya sebanyak lima, iaitu Ruways satu *tariq* dan Rawh empat *tariq*. (al-Jud, 2006).

20. *Mufradah Ya'qub karangan Abi 'Amr al-Dani*

al-Jazari tidak menentukan bilangan *tariq* kepada perawi *Qira'at* Ya'qub ini, namun beliau hanya menyebut sandaran bacaan melalui al-Dani daripada 'Ali Abi al-Hasan Tahir bin Ghalbun dan Abi al-Fath Faris bin Ahmad. Sekiranya bacaan tersebut mengikut riwayat Ruways maka ia melalui al-Jauhari daripada al-Tammar, daripada Ruways. (Di'bis, 2009).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, *manhaj* al-Azmiri menunjukkan pendekatan ilmiah yang berhati-hati, fleksibel dan berpandukan rujukan sumber *al-Nashr* dengan kombinasi antara tegahan, pengecualian bersyarat dan penerimaan secara *ihtimal* yang menjadikan kaedah beliau komprehensif dan kredibel seterusnya memberi kesan dan pengaruh kepada generasi terkemudian seperti al-Mutawalli. Penentuan dan pemilihan sumber *al-Nashr* dalam *Tahrirat al-Qira'at* oleh Sheikh al-Azmiri adalah satu penelitian mengenai peranan penting sumber-sumber yang digunakan oleh Sheikh al-Azmiri dan dijadikan sebagai *manhaj* beliau dalam memastikan kesahihan *turuq* dan *wujud al-Qira'at*. Dalam kajian ini, ditekankan bahawa Sheikh al-Azmiri mempunyai *manhaj* yang sangat teliti dalam memilih sumber-sumber yang sahih terutama yang terkandung dalam kitab *al-Nashr*. Kitab-kitab ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga ketepatan *wujud al-Qira'at*, khususnya dalam konteks *Tahrirat al-Qira'at* yang melibatkan pelbagai riwayat dan *turuq al-Qira'at*.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa *manhaj Tahrirat al-Qira'at* yang diaplikasikan oleh Sheikh al-Azmiri adalah hasil daripada pendekatan ilmiah yang teliti, sistematik dan berpandukan *turuq* yang sahih. Pemilihan kitab rujukan *al-Nashr* sebagai sumber utama bukan sahaja menunjukkan ketelitian dalam memastikan ketepatan *wujud* dan *turuq* malah memperlihatkan keupayaan al-Azmiri dalam menilai, membanding dan memberi ulasan kritikal terhadap pelbagai *turuq Qira'at*. Kepelbagaian kitab rujukan *al-Nashr* yang dianalisis membuktikan peranannya yang signifikan dalam memperkukuh disiplin *Tahrirat al-Qira'at*. Dengan demikian, kajian ini sekaligus membuktikan bahawa pendekatan al-Azmiri dalam *Tahrirat al-Qira'at* bukan sahaja mengekalkan integriti ilmu *Qira'at* khususnya dari sudut *tahrirat*, malah menyediakan asas *manhaj* yang kukuh untuk pengajian ilmu *Tahrirat al-Qira'at* kepada generasi akan datang.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Ali al-Mas’ul. 2011. *Mu‘jam al-Mustalahat ‘Ilm al-Qira’at al-Qur’aniyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- ‘Abd al-Fattah al-Qadi. 2002. *Tarikh al-Qurra’ al-‘Asyarah wa Ruwatuhum wa Tawatur Qira’atihim wa Manhaj Kullin fi al-Qira’ah*. Maktabah al-Qahirah.
- ‘Abd al-Raziq Musa. 2008. *Ta’ammulat Hawl al-Tahrirat al-Qira’at al-‘Ulama’ li al-Qira’at Mutawatirah*. Madinah: Matba‘ah al-Rashid.
- ‘Abd al-Raziq Musa. 2008. *Tadrib al-Talabah ‘ala Tahrirat al-Tayyibah*. Kuwait: Ghirras.
- ‘Ali bin Sulayman. 2012. *Tahrir al-Turuq wa al-Riwayat min Tariq Tayyibat al-Nashr*. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- ‘Amir bin al-Sayyid bin ‘Uthman. *Kitab Fath al-Qadir Syarh Tanqih al-Tahrir*. (t.t). Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- ‘Amir Sayyid ‘Uthman. 2012. *Fath al-Qadir Syarh Tanqih Fath al-Karim*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- ‘Ahmad ‘Abd al-‘Aziz al-Zayyat. 2008. *Syarh Tanqih Fath al-Karim fi Tahrir ‘Awjuh al-Qur’an al-‘Azim*. Kaherah: Wizarah al-‘Awqaf wa al-Shu’un al-‘Islamiyyah.
- Ahmad ‘Abd al-Aziz al-Zayyat. 2008. *Tanqih Fath al-Karim*. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- Ahmad Muhammad al-Banna. 1987. *Ithaf Fudala’ al-Bashar bi al-Qira’at al-Arba’ah ‘Ashar*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- al-Azmiri, Mustafa bin ‘Abd al-Rahman. 2006. *‘Umdat al-‘Irfan fi Tahrir Awjuh al-Qur’an*. Kaherah: Maktabah al-Jundi.
- al-Dabba’, ‘Ali bin Muhammad. 1954. *Mukhtasar Bulugh al-Ummiyyah*. Kaherah: Matba‘ah al-Halabi.
- al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 1994. *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Asyr*. ed. Muhammad Tamim al-Zu‘bi. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- al-Khaliji, Muhammad ‘Abd al-Rahman. 2002. *Hall al-Mushkilat wa Taudih al-Tahrirat fi ‘Ilm al-Qira’at*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- al-Khaliji, Muhammad ‘Abd al-Rahman. 2009. *Syarh Muqarrib al-Tahrir li al-Nashr wa al-Tahbir*. Kaherah: Maktabat al-Islamiyyah.
- al-Mansuri, ‘Ali bin Sulayman. *Tahrir turuq wa al-Riwayat*. 2012. ed. Jamal al-Din Muhammad Syaraf. Tanta: Dar al-Sahabah.
- al-Mutawalli, Muhammad bin Ahmad bin al-Hasan bin Sulayman. 2009. *Matn ‘Azw al-Turuq*. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- al-Mutawalli, Muhammad bin Ahmad. 2005. *al-Rawd al-Nadir fi Tahrir Awjuh al-Kitab al-Munir* (ed.). Abu al-Jud Khalid Hasan. Tanta: Dar al-Sahabah.
- al-Nuwayri. 2003. *Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Asyr*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari. 2006. *al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Asyr*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ihab Ahmad Fikri. 2010. *Taqrib al-Tayyibah*. Kaherah: Maktabat al-Islamiyyah.
- Ihab Fikri. 2012. *Naqd Manhaj al-Imamayn al-Azmiri wa al-Mutawalli*. al-Maktabat al-Islamiyyah. al-Qahirah.

- Khalid Hasan Abu al-Jud. 2006. *al-Rawd al-Nadir fi Tahrir Awwjuh al-Kitab al-Munir*. Tanta-Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Mahmud Khalil al-Husari. 2003. *'Ahsan al-'Athar fi Tarikh al-Qurra' al-'Arba'ah 'Ashar*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah. cet. 1.
- Muhammad 'Abd al-Rahman al-Jaliniyy. 2002. *Hall al-Mushkilat wa Tawdih al-Tahrirat fi al-Qira'at*. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath. cet. 3.
- Muhammad bin Ahmad. 2009. *Matn Fath al-Karim wa ma'ah Risalah Turuq al-Qurra' al-'Asyarah li al-Mukhallilati*. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- Muhammad bin Muhammad Jabir. *Qawa'id al-Tahrir li Tayyibat al-Nashr*. 2009. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.
- Muhammad Habsh. 2001. *al-Shamil fi al-Qira'at al-Mutawatirah*, Damshiq: Dar al-Kalim al-Tayyib. cet. 1.
- Muhammad Salim Muhaisin. 1997. *al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Asyr wa al-Kashf 'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*. Beirut: Dar al-Jil.
- Muhammad Salim Muhaysin. 1997. *al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Beirut : Dar al-Jil. cet.1.jil.1.
- Mustafa bin 'Abd al-Rahman al-Azmiri. (t.t). *Bada'i' al-Burhan 'ala 'Umdat al-'Irfan*. Dar al-Bayruti.
- Mustafa bin 'Abd al-Rahman al-Azmiri. (t.t). *Matn Ithaf al-Bararah bima Sakata 'anh Nasyr al-'Asyarah al-Musamma Tahrir al-Nashr min Turuq al-'Asyarah*. Dar al-Sahabah li al-Turath. Tanta.